



Pertandingan Boling JSKM 2022

Sharifah Sarimah Syed Abdullah, Ahmad Rashidi Azudin, Siti Mariam Saad

29 September 2022, JSKM telah berjaya menganjurkan program pertandingan boling peringkat jabatan bagi tahun 2022. Seramai 30 staf JSKM telah menyertai pertandingan ini secara berkumpulan. Tema kumpulan bagi pertandingan pada kali ini adalah ‘sayuran’. Antara nama sayuran yang digunakan adalah seperti cili, halia, dan tomato.

Pertandingan pada kali ini dimulakan dengan sesi latihan teknik balingan boling yang baik. Taklimat ini disampaikan oleh Pn Maisurah Samsudin. Beliau merupakan Atlet Boling yang telah mewakili UiTM cawangan Pulau Pinang pada Karnival Sukan Staf (KARISTA) 2022 yang lalu di Terengganu. Pertandingan boling pada edisi ini dirasmikan oleh Ts. Dr. Rozita Kadar- Ketua Jabatan Sains Komputer & Matematik UiTM cawangan Pulau Pinang.

Setiap pertandingan pasti ada yang menang dan kalah. Bagi edisi kali ini, Juara Pertandingan boling pada kali ini dimenangi kumpulan *Tomato* yang terdiri daripada trio Mawardi, Syaziyanie dan Siti Mariam dengan jumlah 822 jatuhan pin. Tempat kedua dimenangi oleh trio dari kumpulan *Brokoli* dengan jumlah 809 jatuhan pin diikuti oleh kumpulan *Saderi* di tempat ketiga dengan jumlah 783 jatuhan pin.

Tujuan pertandingan ini diadakan telah mencapai matlamatnya iaitu sebagai mengukuhkan ukhuwah antara warga jabatan. Selain itu, dengan pertandingan ini diaharapkan dapat mencungkil bakat dalam bermain boling dikalangan staf jabatan untuk diangkat sebagai atlet wakil JSKM di peringkat kampus dan seterusnya untuk mewakili UiTM Pulau Pinang untuk KARISTA pada edisi yang akan datang, InsyaAllah.

Go JSKM!

Gambar sekitar pertandingan boling

JSKM 2022

#kredit foto: Semua Peserta

